



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 14 JULAI 2023

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	NILAI IMPORT MAKANAN NEGARA CECAH RM75.5 BILION, NEGARA, KOSMO -4 IMPORT MAKANAN NEGARA CECAH RM62 BILION SETAHUN, NASIONAL, SH -11 'CUT RM62b FOOD IMPORT BILL WITH LOCAL PRODUCTION', NEWS, NST -4 KENAIKAN HARGA BERAS 'DICIPTA'?, DALAM NEGERI, UM -32	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5.	TEMBIKAI JASIN TERKENAL DI PASARAN ANTARABANGSA, GAYA PERTANIAN, UM -24 & 25	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	RM800,000 BINA TUKUN TIRUAN IKAN, NEGARA, KOSMO -15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	329 KES LANGGAR AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN HINGGA JUN LALU, LOKAL, HM -9	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Nilai import makanan negara cecah RM75.5 bilion

PUTRAJAYA - Permintaan tinggi terhadap makanan ketika ini mendorong kerajaan untuk mengimport makanan mencecah nilai RM75.5 bilion tahun lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, nilai itu meningkat berbanding RM63.6 bilion pada 2021 dan setakat Januari hingga April tahun ini, nilai import makanan mencecah RM25.4 bilion.

Belau yang juga Menteri Kemajuan, Desa dan Wilayah berkata, selain permintaan makanan yang tinggi dalam kalangan pengguna, faktor cuaca yang panas juga menyebabkan nilai import makanan meningkat.

"Jika nilai import itu dapat diselamatkan dengan mengeluar lebih banyak produk makanan tempatan, ia dilihat mampu menggalakkan sektor ekonomi domestik," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Menanda-

tangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kelora) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di sini semalam.

Katanya, agensi-agensi pembangunan wilayah di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) kini bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi membantu negara mengurangkan bergantung import makanan.

"Kerjasama itu perlu dilakukan secara proaktif dan holistik di mana KKDW dan KPKM bertindak sebagai peneraju dan penyelaras.

"Jadi, Kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan pula, dinasihatkan tidak bertindak secara solo sebaliknya bergerak sebagai sebuah entiti besar dalam soal keterjaminan makanan negara," jelasnya.



Nilai import makanan negara pada tahun lalu mencecah RM75.5 bilion. - GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Import makanan negara cecah RM62 bilion setahun

PUTRAJAYA - Permintaan pengguna serta faktor tukaran mata wang asing menyebabkan nilai import makanan negara meningkat hingga mencecah RM62 bilion setahun berbanding RM48 bilion sebelum ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Menekankan negara tidak boleh selamanya bergantung kepada import makanan, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup berkata, semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan perlu bekerjasama memberi fokus kepada keterjaminan makanan dan me-

astikan permintaan di dalam negara mencukupi.

"Kalau kita bergantung kepada makanan import, ia akan menjadikan negara ini secara teknikalnya bakal menghadapi kebangkrapan.

"Jika kita dapat selamatkan RM60 bilion ini, lebih tepat, RM62 bilion melalui pengeluaran makanan tempatan, bukan sahaja kita dapat kurangkan pertukaran asing tetapi juga dapat merangsang ekonomi domestik," katanya kepada pemberita ketika sidang akhbar di sini pada Khamis.

Menurut Ahmad Zahid, semua agensi pembangunan wilayah di bawah Kementerian

Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) perlu bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk membantu negara mengurangkan kebergantungan import makanan.

"Hal yang sedemikianlah kita mesti proaktif bukan sahaja dari segi agromakanan tetapi juga ternakan, dan tentunya usaha-usaha ini mesti dilakukan dengan cara holistik.

"Kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan jangan lagi bertindak secara solo, mesti bergerak sebagai sebuah entiti besar dan tentunya rakyat akan melihat bagaimana usaha-usaha ini dilakukan," kata beliau.



Ahmad Zahid (dua dari kanan) menyaksikan majlis pertukaran memorandum persefahaman antara Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora) dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) bagi kerjasama strategik melalui program pembangunan pertanian dan pembangunan usahawan di Putrajaya pada Khamis.

14/7/2023

NST

NEWS

4



Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (fourth from left) witnessing the exchange of documents during the memorandum of understanding signing ceremony between the South East Johor Development Authority and the Malaysian Agricultural Research and Development Institute in Putrajaya, yesterday. With him are Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (third from left) and Deputy Rural and Regional Development Minister Khabib Wahid (second from left).

FOOD SECURITY

'Cut RM62b food import bill with local production'

PUTRAJAYA: Consumer demand and currency exchange factors have caused the food import bill to rise to RM62 billion a year compared with RM48 billion before, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said.

Stressing that the country cannot be reliant on food imports in the long term, Zahid — who also chairs the Cost of Living Implementation and Monitoring Committee — said all ministries, government departments and agencies must focus on food security.

"Being reliant on food imports will bankrupt the country. If we can reduce this RM62 billion with local food production, we would not only reduce foreign exchange but also be able to stimulate the

domestic economy."

Zahid, who is also rural and regional development minister, said this after witnessing the signing of the memorandum of understanding (MoU) yesterday between the South East Johor Development Authority and the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), which was also attended by Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said agencies under his ministry must work with the Agriculture and Food Security Ministry (KPKM) to help the country reduce dependency on food imports.

"We have to be proactive not only in terms of agro-food, but

also livestock, and these efforts must be carried out holistically."

On the MoU, Zahid said it was a step taken by MARDI and rural development agencies to help KPKM boost food production.

"This not only helps KPKM, but also the country, and products from MARDI's research efforts will be commercialised."

"They are high-tech agricultural products. This means that we will have a 'low cost, high impact' approach."

Zahid said the MoU included cooperation in carrying out technology transfer activities, and knowledge and technical advisory services produced from research by MARDI to agents and entrepreneurs in the southeast

Johor region. **Bernama**

14/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Kenaikan harga beras 'dicipta'?

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
utusannews@mediamulla.com.my

JERLUN: Kenaikan harga beras sejak kebelakangan ini didakwa 'dicipta' oleh pihak-pihak yang menguasai industri berkenaan bermula dari sektor pengilangan hingga ke peringkat peruncit yang memerlukan perhatian khusus kerajaan.

Pengerusi Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia, Mohamad Termizi Yop berkata, kilang-kilang besar secara hakikatnya memonopoli pembelian padi menerusi pembayaran insentif kepada broker, sekali gus melenyapkan kilang-kilang kecil terutama dimiliki bumiputera.

Katanya, perkara itu sudah beberapa kali dibangkitkan kepada Kementerian terlibat namun tiada tindakan diambil hingga mereka kini terpaksa mengharapkan Ihsan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk campur tangan.

"Semasa Lembaga Padi dan



MOHAMAD TERMIZI YOP (tengah) bersama ahli jawatankuasanya meninjau keadaan salah sebuah kilang beras kecil yang sudah menutup operasi sejak beberapa tahun lalu di Kampung Permatang Paku, Ayer Hltam di Jerlun, Kedah.

Beras Negara (LPN) wujud, setiap kilang beras yang berhajat membesarkan kapasiti mereka perlu mendapat kelulusan. Tetapi selepas LPN tiada, setiap

pengilang bebas membesarkan kapasiti sesuka hati mereka.

"Maka pengilang-pengilang ini guna khidmat orang tengah atau broker bagi mempengaruhi

petani menjual padi kepada mereka. Broker biasanya dibayar antara RM150 hingga RM200 bagi setiap metrik tan padi yang dijual kepada kilang tersebut,"

katanya selepas meninjau sebuah kilang milik bumiputera yang sudah tidak beroperasi di Kampung Permatang Paku, Ayer Hltam, di sini semalam.

Katanya, kilang-kilang besar turut menyediakan mesin padi dan pelbagai kemudahan kepada broker untuk 'mengikat' petani agar menjual padi kepada mereka.

"Jadi perbelanjaan ditanggung kilang itu tinggi dan dalam keadaan mereka menjadi kartel dengan menguasai semua bahagian daripada pengilangan, pemborong hingga peruncit. Sudah tentu mereka mahu semua kos-kos itu ditanggung melalui kenaikan harga beras," katanya.

Sementara itu, ahli jawatankuasa persatuan itu, Munsonef Md. Radzi berkata, monopoli kilang-kilang besar yang membentuk kartel itu akhirnya 'membunuh' kilang-kilang kecil yang kebanyakannya dimiliki bumiputera hingga menyebabkan mereka sukar bersaing mendapat bekalan padi.

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM
TAZALI

utusannews@mediamulla.com.my

MELIHAT bentuk, saiz dan isi tembikai yang berjus, pasti ramai beranggapan buah tersebut memerlukan cuaca dingin untuk hidup subur dan berbuah lebat.

Hakikatnya, tembikai atau nama saintifiknya *Citrullus lanatus* sangat sesuai ditanam di kawasan beriklim panas dan di tanah rendah.

Menurut pengusaha tembikai, Toh Soon Heng, 53, tembikai bukan buah yang 'manja' dan tidak memerlukan penjagaan rapi melainkan jika terdapat keperluan untuk berbuat demikian seperti diserang serangga atau suhu panas melampau.

"Persepsi tembikai perlu ditanam di tempat yang sejuk dan redup adalah salah. Tembikai sukakan cuaca yang panas dan buktinya saya sendiri berjaya menuai hasil sehingga 70 tan dalam satu kitaran tanaman di kebun yang terletak di Tehel, Jasin, Melaka.

"Cuaca yang baik akan menghasilkan pokok dan buah yang cantik. Sebaliknya tembikai kurang subur jika cuaca terlalu sejuk atau kerap hujan dan terpaksa mulakan semula proses tanam," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengusahakan kebun tembikai sejak lebih 20 tahun lalu, anak jati Selangor itu hanya mempelajari selok-belok penanaman tembikai menerusi perkongsian ilmu bersama rakan-rakan.

Katanya, untuk menghasilkan buah yang baik, pokok tembikai perlu melalui proses pendebungaan secara manual dengan meletakkan sedikit debunga tembikai kuning pada bunga tembikai

Tembikai Jasin terkenal di pasaran antarabangsa




POKOK tembikai hidup subur di atas batas yang ditanam pada jarak satu kaki setiap pokok. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

merah.
"Pokok perlu disenyawakan untuk mengeluarkan buah. Kalau langkah ini tidak dilakukan, buah tidak dapat dihasilkan dan proses penanaman itu hanya sia-sia."
"Pokok tembikai kuning ditanam untuk mendapatkan

bunga jantan. Petik bunga tersebut dan sentuh sedikit pada bunga betina daripada pokok tembikai merah untuk pendebungaan. Proses ini saya lakukan secara manual di kebun seluas 4.45 hektar," jelasnya.
Soon Heng memperuntukkan sehingga



TOH Soon Heng (dua dari kiri) menerima kunjungan Ketua Pengarah Pertanian di kebunnya di Tehel, Jasin, Melaka baru-baru ini.



POKOK tembikai hidup subur berdaun lebat menutupi tanah, lantaran setiap



TEMBIKAI yang baharu dipetik akan dimuatkan dalam kenderaan pacuan empat roda untuk dihantar terus kepada pembedor.

14/7/2023

UTUSAN
MALAYSIAGAYA
PERTANIAN

25



an, Datuk Zahimi Hassan (dua dari

RM60,000 setiap kali musim penanaman untuk kerja-kerja pembersihan tanah, baja, upah pekerja, benih dan utiliti.

Katanya, selain kos yang tinggi, dia berdepan cabaran untuk memastikan 5,000 benih tembikai yang ditanam di atas batas mampu memberikan hasil lumayan setiap kali proses tuai dilakukan.

"Kita lihat batas penuh kehijauan dengan setiap satu pokok mampu mengeluarkan sehingga lapan ranting tetapi hanya menghasilkan dua biji buah sahaja. Justeru, pemantauan setiap pokok sangat penting supaya sebarang masalah dapat dikesan lebih awal.

"Bagi mendapatkan pokok yang sihat, saya menggunakan baja untuk membekalkan nutrien yang diperlukan pokok. Namun, harga baja yang semakin mahal ketika ini sehingga mencecah RM300 untuk satu guni seberat 50 kilogram berbanding RM100 sebelum ini agak menekan saya.

"Itu belum lagi serangan ulat terhadap tembikai yang sedang menunggu masa untuk

dipetik sehingga saya terpaksa menggunakan racun serangga. Begitupun semburan racun hanya digunakan apabila perlu sahaja kerana bimbang serangga yang baik untuk pokok turut sama mati," ujarnya.

Bagaimanapun, Soon Heng menganggap cabaran itu sebagai asam garam berniaga dan membuatnya lebih mahir dalam menghasilkan tembikai yang berkualiti.

Hingga kini tembikai dari Tehel ini, memasuki pasaran antarabangsa seperti Hong Kong, China, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Singapura selain memenuhi permintaan domestik sekitar Kuala Lumpur dan Johor.

Mengenai perancangan masa depan, Soon Heng berhasrat mempelbagaikan lagi perniagaannya melalui konsep agro pelancongan yang membolehkan orang ramai khususnya pelancong merasai sendiri pengalaman memetik dan membeli tembikai terus dari kebun.

Pernah jual tembikai 40 sen sekilogram

PENGELUARAN hasil tembikai semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu menjadi pengalaman pahit buat Toh Soon Heng apabila berpuluh tan buah itu terpaksa dilupuskan.

Katanya, ketika itu berlaku lambakan tembikai di pasaran kerana pemborong tidak mahu mengambil bekalan berikutan banyak kedai dan pasar raya ditutup akibat Covid-19.

"Harga tembikai jatuh sehingga 40 sen sekilogram. Peniaga dan pemborong tidak mahu mengambil bekalan dengan banyak kerana mereka tidak tahu berapa lama dibenarkan berniaga sebelum diarahkan tutup semula.

"Saya terpaksa jual ikut harga semasa walaupun terpaksa menanggung kerugian. Harga



Harga murah pun masih banyak yang belum terjual dan akhirnya berpuluh tan tembikai dibuang kerana rosak

murah pun masih banyak yang belum terjual dan akhirnya berpuluh tan tembikai dibuang kerana rosak.

"Tembikai yang baharu dipetik perlu dihantar segera ke kedai dan boleh bertahan selama 10 hari. Selepas tempoh itu isinya tidak lagi segar dan tidak berasa manis," katanya yang menjelaskan, antara faktor mempengaruhi harga tembikai adalah lambakan di pasaran berikutan pengeluaran berlebihan. Lambakan menyebabkan penawaran melebihi permintaan sekali gus mendorong penurunan harga tembikai.

"Contohnya kebun seluas satu ekar dijangka menghasilkan lima tan tembikai tetapi hasil sebenar yang dituai mencecah sehingga lapan tan. Jika satu kebun mampu hasilkan buah sebanyak itu, bayangkan berapa banyak kebun yang ada di Melaka?"

"Harga akan turun kerana buah terlalu banyak dan pasaran di negeri ini pula kecil. Justeru, pekebun perlu mencari pembeli dari luar Melaka untuk mengelakkan pasaran tepu dan harga semakin jatuh," ujarnya.

TOH Soon Heng menunjukkan tembikai gred A yang dijangkakan seberat 10 kilogram sebiji.



pokok dapat mengeluarkan sehingga lapan ranting.

RM800,000 bina tukun tiruan ikan

KUANTAN – Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM800,000 bagi melabuhkan tukun tiruan di perairan negeri ini.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, kerja-kerja melabuhkan tukun tiruan itu akan dilakukan dalam masa terdekat di perairan daerah Kuantan, Rompin dan Pekan.

"Tukun sebenarnya di bawah Jabatan Perikanan tetapi untuk

meningkatkan hasil tangkapan nelayan kita, kita pun ada keluaran sedikit peruntukan.

"Kita telah luluskan RM800,000 bagi negeri Pahang dan meletakkan tukun di kawasan yang kita pilih ini," katanya dalam sidang akhbar pada majlis ramah mesra Madani Pengerusi LKIM bersama nelayan di Pasar Nelayan Balok, di sini, semalam.

Sempena program itu seramai 30 nelayan dari Persatuan Nelayan Kawasan Kuantan me-

nerima bantuan peralatan menangkap ikan berupa seunit tong ikan berinsulasi, dua unit pukal kaya dan 100 unit pelampung dengan nilai keseluruhan sebanyak RM17,000.

Penerima terbabit merupakan antara 117 penerima bagi serantau negeri Pahang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM250,000.

Muhammad Faiz berkata, penyerahan bantuan itu adalah bagi meningkatkan pendapatan.



MUHAMMAD FAIZ (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan bantuan peralatan menangkap ikan di Pasar Nelayan LKIM Balok di Kuantan semalam.

329 kes langgar Akta Perkhidmatan Kuarantin hingga Jun lalu

Kuala Lumpur: Sebanyak 329 kes pengingkaran dan ketidakpatuhan di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dikesan dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Shamsul Akbar Sulaiman (**gambar**) berkata, daripada jumlah itu Johor

tertinggi dengan 108 kes diikuti Selangor sebanyak 97 kes, Pulau Pinang (86), Kedah (30), Kedah (5) dan selebihnya daripada lain-lain negeri.

Katanya, antara kesalahan dan ketidakpatuhan itu termasuk kegagalan pengimport dan pengeksport mematuhi syarat yang ditetapkan seperti tiada permit Maqis yang sah, gagal mengemukakan dokumen pengim-

portan seperti Sijil Kesihatan Veterinar dan Sijil Phytosanitari, gagal melepasi kaedah rawatan yang ditetapkan, penemuan serangga petosak dan produk yang tercemar.

"Daripada jumlah itu sebanyak 139 kes dikemudian kompaun dan

dilupuskan manakala selebihnya dikenakan tindakan rawatan semula dan tidak dibenarkan masuk dalam negara.

"Produk tumbuhan adalah utamanya transaksi perdagangan dengan 269,000 permit dikeluarkan diikuti de-

ngan produk dari sektor pertanian dengan 60,000 permit dan seterusnya produk sektor ternakan dan haiwan adalah penyumbang ketiga dengan 49,000 permit.

"Berdasarkan data kemasyarakatan, produk tanaman seperti koko, jagung, soya, gandum adalah komoditi import utama diikuti dengan produk temusu, daging dan keratan ayam," katanya. Beliau berkata, dari segi

pelaksanaan kawalan tahun ini, pihaknya menempatkan pertambahan anggota di pintu masuk utama termasuk yang bertugas pintu masuk laluan penumpang seperti Bukit Kayu Hitam Kedah, Wang Kelian dan Padang Besar di Perlis, Kompleks ICQ Bangunan Sultan Iskandar, Kompleks Sultan Abu Bakar di Johor dan Kompleks ICQS Bandar Hilir di Melaka.

